

Karyaneka akan diperkenal ke daerah2

KUALA LUMPUR, Selasa — Orang ramai, khasnya penduduk di luar bandar yang berkemahiran dalam bidang kraftangan diajak menyertai projek tersebut yang akan diperkenalkan di daerah masing-masing tidak lama lagi.

Di samping menambah pendapatan membuat kerja-kerja seperti sulaman, anyaman, tenunan kait-mengait, menjahit, mengukir, masa kelapangan boleh digunakan dengan lebih produktif.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Haji Ali menyarankan demikian di majlis pembukaan pusat Pemasaran Kraftangan (KARYANEKA), hari ini.

Datin Seri Dr. Siti Hasmah selaku

Pengerusi Jawatankuasa Penasihat KARYANEKA berkata:

“Tanpa penyertaan masyarakat, adalah sukar bagi segala rancangan yang telah disusun mencapai kejayaan.”

Bagaimanapun, jelasnya, setakat ini KARYANEKA mendapat sokongan dan kerjasama sepenuhnya dari Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah serta orang-orang perseorangan.

Mutu

KARYANEKA, katanya bertanggungjawab menjamin hasil kraftangan bermutu tinggi serta beridentitikan Malaysia yang berlatarkan kebudayaan dan kesenian kebangsaan.

Datin Seri Dr. Siti Hasmah juga memberitahu, 200 orang bakal pengeluar kraftangan dari seluruh negara telah dilatih dalam berbagai jenis kemahiran kraftangan untuk memenuhi kekurangan kepakaran dalam bidang tersebut.

Di samping itu, katanya, KARYANEKA menghantar empat jurulatih ke Thailand untuk mengikuti kursus tenunan, manakala dua orang pula ke Jepun untuk mempelajari cara membuat patung atau 'puppetry'.

Beliau juga menyeru kelab-kelab wanita, Felda, Risa, Kemas dan Bakti menyumbangkan khidmat mereka dalam usaha meninggi dan memperkenalkan kraftangan tradisional kepada orang ramai dan para pelancung.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia